

BEBERAPA PANDANGAN MENGENAI ISLAM DARI PERSPEKTIF PARTI POLITIK MELAYU

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*
Hamidah binti Jalani**

Abstrak

Setelah melalui perkembangan yang panjang dalam sejarah Alam Melayu, Islam telah berupaya mengangkat martabat bangsa Melayu menjadi sebuah bangsa yang dikenali serata dunia. Namun perkembangan itu mula terganggu disebabkan oleh beberapa anasir dalaman dan luaran yang membantutkan perkembangan tersebut. Kedatangan penjajah Barat telah membentuk satu kerangka fikir baru di kalangan cendekiawan Melayu untuk menterjemah dan merealisasikan Islam dalam kehidupan harian. Kertas ini cuba melihat perkembangan pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu dari awal kemasukan hinggalah lahirnya dua parti politik Melayu yang mempunyai persepsi sendiri untuk menterjemahkan faham keislaman mereka dalam hidup bermasyarakat atau bernegara.

Kata kunci: *Islam dan Melayu, parti politik, UMNO, PAS, Alam Melayu*

Abstract

After a long development in the history of Malay Archipelago, Islam was able to raise the distinction of the Malays as a nation that was well-known throughout the world. However the development was affected due to several internal and external elements that hinder the process. The arrival of Western colonization had established a new framework of thought among the Malay intellectuals in their effort to translate and implement Islam in daily lives. This paper attempts to look at the growth of Islamic influence in the Malay starting from the initial arrival until the birth of two Malay political parties, with their own self-perceptions in translating their Islamic understanding in societal life or state matters.

Keywords: *Islam and Malay, political party, UMNO, PAS, Malay Archipelago*

Pendahuluan

Penerimaan Islam dalam masyarakat Melayu sebagai pandangan *tawhidi* menjadi transformasi radikal yang menyulami gerakan perubahan revolusiner. Kedatangannya bukan sahaja membawa suatu agama dan suatu bahasa, bahkan lebih dari itu berupaya membentuk suatu konsep bangsa yang dinamakan bangsa Melayu dengan teras tunjang keberibadiannya tersendiri.¹ Kehidupan masyarakat

* En. Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, M.U.S, adalah pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Hamidah binti Jalani, adalah calon Sarjana Usuluddin di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹ Abd. Rahman Hj. Abdullah (1981), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., h. 269.

Melayu yang memeluk Islam, bukan sahaja merubah aspek kehidupan tertentu malah turut membentuk perpaduan dengan memperkenalkan konsep kesamarataan yang menyelapkan konsep perkauman dan menyatukan bangsa Melayu di bawah satu pegangan akidah yang mengabungkan orang Melayu dalam lautan masyarakat Islam universal.

Islam dan Melayu

Apabila berbicara mengenai Islam dan orang Melayu, kita harus mengakui bahawa Islam bukan sekadar agama yang dianuti oleh orang Melayu, tetapi juga menjadi dasar utama yang memberikan identiti kepada orang Melayu. Islam telah mampu bukan sahaja menjadi simbol yang unik bagi orang Melayu malah lebih dari itu menjadi *central factor* yang memberikan rasa hidup beragama dengan menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang relevan dalam isu-isu sosial dan perkembangan politik moden semasa. Malah Melayu dan Islam ini sering dilihat sebagai suatu komponen yang bersatu dan sukar untuk dipisahkan. Begitu juga apabila membicarakan mengenai etnik Melayu secara tidak langsung ia turut disentuh dan disinonimkan dengan kehidupan beragama Islam. Gambaran hubungan itu dijelmakan apabila etnik selain Melayu yang memeluk Islam akan dikatakan “Masuk Melayu” dan kebiasaannya akan meninggalkan identiti asal etnik mereka sebelum Islam.²

Di samping itu, Islam juga telah membawa perubahan dalam sistem politik dan pentadbiran negara. Di mana setelah berabad lamanya Islam bertapak di Alam Melayu, keharmonian Islam telah menjadi dominan dalam kehidupan bangsa Melayu. Kerajaan-kerajaan besar seperti kerajaan Samudera-Pasai (1009-1444), Melaka (1400-1511), diikuti oleh kerajaan Aceh (1500-1650) dan Demak (1478-1568)³ menjadi bukti keunggulan Islam dalam menerajui pemerintahan negara. Institusi kesultanan menjadi lambang kepada politik feudal Melayu. Sejak kebangkitan Melayu dalam bahagian pertama abad ke-15, kesultanan telah menjadi ciri penting dalam organisasi sosial dan politik Melayu. Institusi kesultanan sebagai bukti lambang kemelayuan dalam sistem politik hari ini. Institusi kesultanan ini telah menjadi asas dalam pengiktirafan kuasa politik orang-orang Melayu.⁴

Salah satu unsur utama dalam struktur politik dan hierarki sosial Melayu ialah wujudnya golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Sultan menduduki

² Zulkanain Abdul Rahman, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali *et.al.*, (2010), “Survival Melayu-Islam Dalam Politik Malaysia : Penelitian Melalui Pilihan Raya Umum Ke-12 (2008)”, kertas kerja ini dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Maysrakat Malaysia (PAIMM)*, jil. 2, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 5 & 6 Oktober 2010, h.483.

³ Abd. Rahman Hj. Abdullah (1981), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, h.247-261.

⁴ Jamie Hj. Hamil, Mohd Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman *et.al.*, (2005), “Budaya Politik Melayu: Kesenambungan Dan Perubahan”, dalam Siti Daud & Zarina Othman (ed.), *Politik Dan Keselamatan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.74.

puncak dalam hirarki politik. Di mana kedaulatan raja-raja amat ditekankan di dalam budaya politik feodal Melayu. Daulat kepimpinan adalah suatu sifat kekuasaan atau hak tertinggi yang dikhaskan kepada golongan raja sahaja. Sultan Malik al-Salleh (1027-1053), Sultan Abdul Jalil al-Malik al-Salleh (1276-1300) di Aceh, Sultan Mansur Shah, Sultan Mahmud Shah di Melaka, Sultan Ali al-Mughayat Shah (1507-1522) dan Sultan Iskandar Muda di Aceh menjadi lambang kepada kedaulatan raja-raja Melayu melalui konsep daulat dan itulah serta menjadi bukti simbol kekuatan bangsa Melayu.

Namun kekuatan Melayu Islam itu mula tergugat apabila para penjajah mula menguasai Alam Melayu. Kedatangan penjajah bermula dengan Portugis (1511), diikuti Belanda dan kemudian Inggeris (1874) mula mewarnai kehidupan sehingga bangsa Melayu mulai kehilangan kekuatan daya juang dan pemerintahannya. Mereka bukan sahaja mencampuri urusan pemerintahan negara dan mengurangkan kuasa raja-raja dan sultan Melayu, malah lebih daripada itu. Walaupun mereka berikrar tidak akan mengganggu urusan rasmi agama, namun tindakan mereka telah meninggalkan kesan yang amat parah dan mendalam kepada Islam dan umat Islam.

Mereka bukan sahaja telah menjajah sistem politik negara dan kelicinan perjalanan ekonomi, malah turut menanam benih sekularisme di minda bangsa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh para penjajah Barat dengan memisahkan di antara urusan pentadbiran dengan urusan keagamaan. Malah mereka juga tanpa rasa segan silu memperkenalkan pendidikan bersifat sekularistik di mana anak-anak Melayu didedahkan dengan *world view* berjiwa Barat. Selepas kemerdekaan, anak-anak Melayu ini menjadi ahli yang memang dilatih secara teliti untuk mengambilalih kekuasaan di dalam pelbagai bentuk kehidupan, politik, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya.

Dalam usaha mencapai matlamat ini, mereka melakukan pelbagai bentuk pemalsuan untuk menghasilkan '*Islam versi baru*'. Semua ini mereka lakukan menerusi program-program *westernisasi*, modenisasi dan reformasi yang sering berselindung di sebalik pelbagai nama seperti pembangunan, kemajuan dan kebebasan.⁵ Ajaran pemisahan agama dari urusan kenegaraan disemai dalam jiwa dan minda orang Melayu secara halus dan rapi dan kemudian dibentangkan dengan tembok Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang Islam yang terlaksana sekian lama, dengan perlahan cuba dihapuskan secara penuh muslihat.

Begitu juga, apabila British memberikan watak kemerdekaan kepada negara, sekali lagi kelicikan muslihat dipraktikkan. Walaupun negara diberikan kemerdekaan, namun belang dan jalur yang melebar di dalam sekularistik masih menjalar di dalam minda orang Melayu. Pemimpin-pemimpin yang diasuh dan

⁵ Siddiq Fadir (1977), *Kebangkitan Umat, Kenyataan Dan Harapan*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 9.

dididik dengan sifat sekular terus mewarnai pembangunan kemerdekaan. Secara sadar atau tidak satu persatu lambang keislaman dalam budaya Melayu mula disisih dan dicemuh oleh orang Melayu sendiri.⁶ Siddiq Fadil di dalam bukunya, *Kebangkitan Umat Kenyataan Dan Harapan* turut mengungkap mengenai penularan sekularisasi di dalam lipatan sejarah umat Islam.

*“Di dalam zaman moden ini kegilaan sekularisasi semakin menjadi-jadi. Dalam hal ini penjajahan Barat ke atas dunia Islam yang berlaku sekitar abad ke-16 hingga abad ke-20 ini adalah merupakan suatu faktor penting. Penjajahan ini tidak terbatas kepada bidang politik dan ekonomi semata-mata malah termasuk juga penjajahan fikiran dan kebudayaan. Konsepsi-konsepsi Barat telah diterapkan dalam pemikiran umat Islam sehingga mereka melihat Islam dari kacamata Barat”.*⁷

Unsur-unsur sekularisme telah cuba diresapkan dalam segala aspek ajaran Islam, malah aspek keagamaan juga turut tidak terkecuali. Keadaan ini dapat dikesan apabila aliran Rasionalisme dan sikap *apologetic* dari golongan *modernist* mula mendewakan akal fikiran sehingga seringkali perjalanan akal itu tidak dapat dibendung dan dikawal oleh batas-batas keagamaan. Mereka terlalu mengagungkan tamadun Barat yang dilihat satu-satunya tamadun yang mampu memberikan asas-asas kemajuan di dalam arus perdana ini. Sehingga lebih ekstrim ada di antara moden ini menganjurkan agar Islam itu perlu dilakukan penafsiran semula berdasarkan konsep pemikiran moden, kerana mereka tidak senang melihat pertentangan yang ada di antara Islam dengan pemikiran Barat.

Berabad lamanya Islam diperas oleh penjajah sehingga pada pertengahan abad ke-20, barulah negara Islam dapat membebaskan diri daripada belenggu penjajah. Gelombang pembebasan itu kemudiannya telah menggalakkan perkembangan semangat kebangsaan dan semangat nasionalisme kepada masyarakat di Tanah Melayu. Daripada perjuangan awal untuk menolak penjajahan kuasa-kuasa asing itulah yang menggerakkan kepada kesedaran nasionalisme moden di Tanah Melayu. Dalam gerakan awal nasionalisme Melayu, agama telah menjadi tenaga pendorong dan tulang belakang kepada kesedaran dan perjuangan orang Melayu. Pengaruh Islam dalam konteks perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu adalah menonjol lebih-lebih lagi kerana perjuangan awal nasionalisme Melayu dipelopori oleh tokoh-tokoh dan pemimpin agama atau mereka yang berjiwa agama. Dalam konteks sejarah Malaysia, terdapat sekurang-kurangnya dua bentuk gerakan nasionalisme yang telah wujud di Tanah Melayu semasa orang Melayu berada di bawah penindasan kolonialisme.⁸

⁶ Ibrahim Ahmad (1989), *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, Kuala Lumpur: IBS Sdn. Bhd., h. 44.

⁷ Siddiq Fadil (1977), *Kebangkitan Umat*, h. 27.

⁸ Azmi Ariffin (2010), “Islam, Bangsa Dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran Dan Gerakan Politik Melayu-Islam Dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu, 1900-1957”, kertas

Gerakan awal bermula sekurang-kurangnya di awal kurun ke-15 hingga ke-20, orang Melayu di seluruh Nusantara telah bangkit berjuang menentang semua bentuk sama ada oleh Siam, Belanda mahupun British.⁹ Selepas Perang Dunia Kedua, penentangan demi penentangan terus menerus dilakukan dengan pelbagai pendekatan sama ada secara radikal atau berhemah sehingga tertubuhnya Parti Melayu Malaya (PKMM)¹⁰ pada 1945, yang mendahului pembentukan United Malays National Organization (UMNO) pada 1946. Di sebalik usaha gerakan nasionalis kanan yang dipelopori golongan elit Melayu dalam UMNO yang mendapat pendidikan Barat dan melancarkan dasar kerjasama dengan British, manakala nasionalisme kiri yang dibawa oleh gerakan arus bawah seperti Kesatuan Malaya Merdeka (KMM),¹¹ PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS), yang setengahnya memilih pendekatan radikal dalam perjuangan merdeka dan sebahagiannya pula dipengaruhi semangat perjuangan di Indonesia, telah menolak kolonialisme dan menuntut kemerdekaan sepenuhnya tanpa syarat.¹² Begitu juga aktivis Islam yang lebih cenderung kepada aliran Islam walaupun secara umumnya turut sama menyokong matlamat gerakan kiri dalam perjuangan mencapai kemerdekaan, namun tetap mempunyai prinsip perjuangan dan matlamatnya yang tersendiri dalam menarik kepercayaan nasionalis-nasionalis Melayu agar perjuangan dalam cita-cita mencapai kemerdekaan dilakukan atas kehendak dan landasan Islam.

Namun dalam usaha mencapai dan mengisi ruang kemerdekaan yang telah dicapai itu, pimpinan Melayu telah terbahagi kepada dua. Satu bahagian didokong oleh perjuangan bersifat nasionalisme Melayu yang dikenali sebagai UMNO dan satu bahagian lagi dinaungi oleh dasar perjuangan bersifat keagamaan yang dipelopori oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) hasil serpihan dari ahli UMNO sendiri. Maka dengan ini, PAS mulai bergerak sendiri secara aktif dan menjadi *rallying point* kepada individu atau kumpulan anti-UMNO yang ingin berjuang atas manhaj Islam. Dengan dasar dan matlamat yang berbeza, kedua-dua parti ini bertarung

kerja ini dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Maysrakat Malaysia (PAIMM)*, Jil.1, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 5 & 6 Oktober 2010, h. 256.

⁹ *Ibid.*, h. 257.

¹⁰ PKMM ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Pada awalnya dipimpin oleh Mokhtaruddin Lasso yang kemudiannya berpindah tangan kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy. Penuhuan PKMM adalah bertujuan untuk menyemarakkan lagi perjuangan politik dalam usaha mencapai kemerdekaan negara sepenuhnya.

¹¹ Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan persatuan Melayu pertama yang ditubuhkan bercorak politik pada Mei 1937. Kesatuan ini dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob yang ditubuhkan atas dasar kesedaran mahu memperjuangkan kemerdekaan negara serta membebaskan Tanah Melayu dari jajahan British. Malangnya pertubuhan ini tidak dapat bertahan lama setelah ianya diarahkan oleh Jepun ketika menguasai Tanah Melayu pada tahun 1941-1945 kerana sifatnya yang radikal.

¹² Azmi Ariffin (2010), "Islam, Bangsa Dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran Dan Gerakan Politik Melayu-Islam Dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu, 1900-1957", kertas kerja ini dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Maysrakat Malaysia (PAIMM)*, Jil. 1, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 5 & 6 Oktober 2010, h. 263.

merebut kuasa dan pengaruh untuk keluar sebagai juara yang mewakili orang Melayu. Pertarungan ini terus berjalan dalam bentuk dan rupa yang lebih rumit lagi pada hari ini.¹³ Suatu telaah awal dapatlah disimpulkan bahawa kemelut pertikaian dua parti politik orang Melayu berpunca dari penafsiran yang berbeza mengenai faham nasionalisme. Menurut Azmi Ariffin (2010),¹⁴ perbezaan ini terjadi akibat dari:

“... faham nasionalisme menetapkan bahawa agamalah yang menjadi sumber dan matlamat akhir kepada pembentukan sebuah negara-negara Melayu, hingga disamakan bahawa menjadi Melayu dan negara-bangsa Islam-Melayu adalah menjadi sebahagian daripada cita-cita nasionalisme, walaupun terdapat bentuk-bentuk perjuangan yang lain. Pendek kata, faham nasionalisme telah menjadi alat yang penting kepada perjuangan orang Melayu mendirikan negara-bangsa yang bebas dan merdeka berasaskan semangat, cita-cita dan persaudaraan Islam”.

Beberapa Pandangan UMNO dan PAS Mengenai Islam

Pelbagai seruan dan laungan pengislahan masyarakat telah disuarakan oleh tokoh-tokoh masyarakat Melayu samada yang berlatarbelakang pendidikan agama atau Barat. Kesedaran ini dirasai oleh semua cendekiawan Melayu bahawa masyarakat Melayu perlu berubah seiring dengan peredaran masa. Dalam usaha mencari jawapan yang utuh kepada persoalan itu, persoalan mengenai halatuju dan model bentuk perubahan sering menjadi topik pertikaian. Dua buah parti politik Melayu-Islam cuba mendominasi perubahan itu secara holistik dan berusaha gigih untuk menjadi *master mind* kepada cakerawala perubahan masyarakat Melayu dan negara secara amnya.

Untuk melihat pandangan dan arah tuju pengislahan masyarakat yang didokong oleh kedua-dua parti politik Melayu-Islam ini, saya memilih sebahagian dari artikel Dr. Kamal Hassan sebagai landasan berfikir. Persoalan yang paling mendasari dalam konteks pengislahan ialah perlakuan atau *style* siapakah yang lebih islamik berbanding dengan yang lain. Dr. Kamal Hassan telah menggariskan beberapa perkara yang harus diambil kira dalam membicarakan mengenai proses islamisasi masyarakat Melayu. Antara perkara yang menjadi pokok persoalan ialah:¹⁵

- a. Adakah matlamat negara dan pertubuhan politik yang wujud di negara ini benar-benar selaras dengan ajaran Islam?

¹³ Ibrahim Ahmad (1989), *Konflik UMNO-PAS*, h. 47.

¹⁴ Azmi Ariffin (2010), “Islam, Bangsa Dan Perjuangan Melayu”, h. 255.

¹⁵ Dr. Muhammad Kamal Hassan (1981), “Krisis Identiti Umat Islam”, *Dewan Budaya*, Jil. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 13.

- b. Bagaimanakah nilai sosio-politik Islam dapat diwujudkan tanpa mengakibatkan ketidakstabilan politik dalam masyarakat majmuk?.
- c. Adakah parti Melayu yang ada sekarang memadai untuk memperjuangkan matlamat politik Islam?
- d. Bagaimanakah Undang-undang Syariah dapat dilaksanakan di tengah-tengah realiti kebudayaan dan sosio-politik yang wujud hari ini?.
- e. Apakah slogan nasionalisme dan patriotisme Melayu masih relevan dalam konteks kesedaran Islam yang semakin bertambah di kalangan belia dan cendekiawan Islam?
- f. Dapatkah kebangkitan Islam mengekalkan keharmonian kaum dan menggalakkan integrasi nasional dalam suasana masyarakat bukan Melayu yang berasa takut dan cemas? Dan banyak lagi.

Garis ini menyangkut secara langsung konflik utama antara UMNO dan PAS. Implikasi dari itu mempertajamkan lagi jurang dan pergeseran antara keduanya dalam menjuarai pentas islamisasi dalam arena politik Melayu-Islam. Konflik ini tidak dapat dielakkan kerana dasar pemerintah terhadap Islam adalah 'reflektif' dengan Perlembagaan Malaysia yang menganggap Islam sebagai Agama Persekutuan di samping majoriti masyarakat Melayu itu beragama Islam dan masih kuat dengan ajaran agama Islam. Persoalan inilah yang menimbulkan perdebatan yang tidak pernah sudah di antara pelbagai aliran pemikiran di kalangan cendekiawan Melayu dan para ulama.¹⁶

Untuk melihat usaha yang dibuat oleh kedua parti utama orang Melayu ini, maka persoalan politik tidak seharusnya dilihat secara terpisah dari bidang kehidupan lainnya. Ini kerana, tidak dinamakan Islam sekiranya ia tidak meliputi semua bidang kehidupan.¹⁷ Dalam dimensi yang lain pula, timbul persoalan adakah Islam itu berhak hidup sebagai kekuatan politik, ekonomi, sosial dan lain-lain dalam masyarakat majmuk di Malaysia ini dan jika tidak, apakah ia akan menerima nasib seperti agama lain hanya untuk menjadi penghubung antara hamba dengan Tuhan atau menjadi citra budaya yang hanya berkaitan dengan nikah dan mati serta upacara merestui roh si mati.¹⁸

Dalam kemelut itu, PAS mendakwa bahawa perjuangannya adalah benar-benar berteraskan kesyumulan Islam manakala perjuangan UMNO lebih bersifat kemelayuan. Namun apa yang pasti kedua-dua parti itu didokong oleh orang Melayu dan beragama Islam.¹⁹ Sesungguhnya perbezaan ini telah meletakkan orang Melayu dalam kemelut perpecahan dan keresahan yang berpanjangan,

¹⁶ Ibrahim Ahmad (1989), *Konflik UMNO-PAS*, h. 24.

¹⁷ Ahmad Kamar (1980), *Islam Tercabar: Satu Pandangan Terhadap PAS*, Petaling: Pustaka Ilmu, h. 6.

¹⁸ *Ibid.*, h. 5.

¹⁹ Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004), *Perjuangan UMNO Ke Arah Memartabatkan Bangsa Bangsa Dan Agama*, Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 2.

seolah-olah Melayu dan Islam itu tidak mungkin berada dalam satu wadah perjuangan.²⁰ Berikut adalah beberapa sudut yang akan dipaparkan untuk melihat apakah bentuk islah dan pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh kedua-dua parti politik ini untuk membela masyarakat Melayu dan mengangkat martabat Islam di Malaysia.

a. Bidang Politik

UMNO adalah sebuah parti orang Melayu dan isu perjuangannya adalah untuk memartabatkan Melayu di Malaysia hingga ke persada antarabangsa, di samping meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara yang perlu dihormati. Meskipun masih banyak perkara yang belum terlaksana, namun apa yang telah UMNO laksanakan dalam arena perjuangan politik kenegaraan dalam mengisi makna kemerdekaan mula menampakkan hasil yang sewajarnya dibanggakan. Walaupun masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki untuk lebih memperkasakan politik orang Melayu dan syiar Islam di Malaysia namun itu tidaklah bermaksud UMNO tidak pernah berjasa. Dalam perjuangannya UMNO lebih menitikberatkan soal nasib bangsa Melayu yang kadangkala tidak menepati semangat Islam secara saksama.²¹

Di pihak yang lain pula, PAS melihat bahawa politik orang Melayu itu haruslah berteraskan Islam sebagai paksinya barulah persoalan bangsa itu dibicarakan. Dato' Fadhil Noor mengariskan perjuangan politik PAS adalah membentuk sebuah negara yang ditegakkan atas dasar akidah dan syariah Islam seperti yang dituntut oleh al-Quran dan sunnah.²² Menjadikan sesuatu selain Islam sebagai dasar perjuangan politik dilihat oleh PAS sebagai satu ketidakadilan dan bukti penyelewengan dalam sistem politik Islam. Dan penyelewengan itu dianggap sebagai sesuatu yang zalim kerana telah menafikan hak-hak individu dan masyarakat tertentu dalam mengecapi keredhaan Allah s.w.t.

*“Kemuncak dari ketidakadilan pemerintah terjadi apabila ia tidak berusaha untuk melaksanakan sistem Islam sepenuhnya...Ummah telah dinafikan haknya untuk mengecap sistem rabbani yang akan membawanya kepada keredhaan Allah s.w.t. adalah suatu kezaliman”.*²³

²⁰ *Ibid.*, h. 8.

²¹ *Ibid.*, h. 32 & 33.

²² Dato' Fadhil Mohd Noor (1999), “Bersama Menegakkan Keadilan”, Ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan Pas ke-45 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 12, 13 & 14 Safar 1420/ 28, 29 & 30 Mei 1999, h. 266.

²³ Dato' Fadhil Mohd Noor (1999), “Menyanggah Fikrah Maddiyyah”, Ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan Pas ke-41 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 28, 29 & 30 Rabiul Awal 1416H/ 25, 26 & 27 Ogos 1995 bertempat di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Selangor, h. 152.

UMNO cuba memberi beberapa alternatif kepada cadangan politik PAS dengan mengemukakan pendekatan seperti Penerapan Nilai-nilai Islam dan yang terakhirnya Islam Hadhari. Dalam pendekatan Islam Hadhari, kerajaan cuba memberi satu penafsiran baru yang lebih moden terhadap persoalan umat Islam semasa. UMNO melihat semua potensi yang ada baik dalam atau luar negara digembeling secara holistik untuk kepentingan Islam. Mohamad Kamil Ab. Majid (2006), menjelaskan bahawa Islam itu adalah bersifat syumul dan tidak perlu bagi kita untuk mengimport sistem dari luar kerana dalam syariatnya sudah cukup dengan ajaran yang cukup demokratik. Sungguhpun begitu, ini tidak bermakna umat Islam itu dilarang daripada mengambil faedah dari nilai-nilai baik dan bersifat universal dalam tamadun lain yang menguntungkan dan memberi kekuatan kepada umat Islam.²⁴

Pendekatan Islam Hadhari yang dikemukakan oleh UMNO menolak segala bentuk pendekatan radikal sebagai suatu jalan pintas untuk mencapai cita-cita politik. Justeru itu, Islam Hadhari telah memberi penekanan kepada pembangunan yang menjuruskan kepada pembinaan peradaban dengan memberi fokus kepada usaha meningkatkan mutu kehidupan, penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan dan fizikal. Mempertingkatkan mutu kehidupan dengan mengamalkan sistem ekonomi, perdagangan dan kewangan yang dinamik, pembanguna sepadu dan seimbang bagi melahirkan umat yang berilmu dan beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur lagi amanah serta bersedia menghadapi cabaran semasa dunia global.²⁵

b. Bidang Perundangan

Bertolak dari perbezaan pandangan politik sekali lagi UMNO dan PAS berbeza dalam membawa perubahan di bidang perundangan. PAS begitu bersungguh dan konsisten untuk membawa perubahan dalam sistem perundangan dengan memperkenalkan undang-undang Islam dan berusahaewartakan undang-undang hudud seperti yang dimaktubkan di dalam al-Quran dan sunnah. Sebaliknya UMNO mempunyai pandangan yang berbeza dalam menangani perubahan ini. Setiap perubahan yang drastik dalam bidang perundangan boleh menimbulkan kekecohan dan salah tanggapan terhadap kerajaan yang memerintah. UMNO memilih untuk menangguhkan terlebih dahulu pelaksanaan undang-undang Islam sepenuhnya terutama hudud berdasarkan situasi semasa yang tidak menyokong.

²⁴ Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (2006), "Memahami Pendekatan Islam (Din) Hadari Dari Perspektif Pemikir Islam", dalam Prof. Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (peny.), *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 70.

²⁵ Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Wan Adli Wan Ramli (2006), "Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim", dalam Prof. Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (peny.), *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 12.

UMNO melihat bahawa yang lebih penting untuk diutamakan berbanding hukum hudud, qisas dan ta'zir adalah dengan menumpukan perhatian kepada jurusan pendidikan anak bangsa yang ketinggalan pada zaman penjajahan serta memartabatkan mereka sebagai ilmuwan Islam di pelbagai bidang, dengan tidak menafikan ianya juga sesuatu yang harus menjadi perhatian kerajaan.²⁶

PAS sentiasa memperjuangkan agar sistem perundangan negara berlandaskan al-Quran, Sunnah, Ijma' dan al-Qias secara menyeluruh, kerana hanya sistem perundangan yang didasarkan kepada wahyu dapat menjamin keadilan sejagat. PAS tidak yakin sistem perundangan buatan manusia akan dapat memberi keadilan untuk semua. Bila kita menyentuh sistem perundangan Islam ianya bukan sahaja melibatkan peruntukan undang-undang yang tidak bercanggah dengan tuntutan syarak tetapi ianya juga melibatkan syarat-syarat yang perlu ada pada para hakim, tatacara kehakiman dan sebagainya.

Seharusnya pendekatan perundangan (*al-bu'du al-tasyrī'ī*) itu merupakan suatu bentuk keadilan yang menjamin kemaslahatan sesama manusia. Menurutnya lagi, fiqh Islami sudah memperincikan masalah dan mengadakan beberapa kaedah yang boleh digunapakai kepada penyelesaian masalah seterusnya mendisiplinkan kehidupan para penganutnya. Malah *fiqh Islāmī* juga dilihat cukup terbuka²⁷ sehingga mengaplikasikan kaedah "hukum boleh berubah dengan perubahan zaman, tempat, adat resam dan niat" seperti yang diperkatakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah.

c. Bidang Ekonomi

Dalam menyentuh perkembangan ekonomi umat Islam semasa, UMNO melihat Malaysia dengan segala potensi yang ada amat komited untuk menjadi sebuah hab halal dunia. Kerajaan aktif mempromosikan perkhidmatan dan produk Halal Malaysia, di samping terus memperkukuhkan piawaian dan pensijilan Halal. Komitmen serius kerajaan dibuktikan melalui penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal untuk merintis dan menyelaras pelbagai inisiatif. Umat Islam wajib melihat usaha mengangkat status dan penggunaan perkhidmatan dan produk halal sebagai memenuhi satu tuntutan fardu kifayah.²⁸

Berbeza pula dengan PAS, penubuhan hab halal hanyalah bentuk perekonomian yang sampingan berbanding dengan sistem ekonomi berteraskan riba yang masih melingkari sistem ekonomi negara. PAS berpandangan bahawa Islam tidak meletakkan kebendaan menjadi kiblat ekonomi seperti yang dilakukan oleh teori ekonomi ciptaan manusia. Kebendaan hanyalah salah satu daripada alat jenama

²⁶ Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004), *op.cit.*, h. 28.

²⁷ Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (2006), "Memahami Pendekatan Islam (Din) Hadari", h. 70.

²⁸ Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (2007), "Memperkukuh Keyakinan –Meneroka Era Baru", *Ucapan Dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-58* dibentangkan di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC), pada 7 November 2007, h. 2.

ekonomi. Kegiatan ekonomi bukan sahaja dikawal oleh faktor lahiriah, ianya dikawal juga oleh faktor rohaniah dalam konteks dosa dan pahala. Dalam masa yang sama, Islam tidak menghapuskan kemahuan kepada kebendaan dan perlumbaannya di kalangan manusia, tetapi dalam masa yang sama diwajibkan dengan tanggungjawab kepada masyarakat. Seseorang individu yang bergiat dalam bidang ekonomi dikawal oleh undang-undang lahiriah dan akhlak yang ditanam ke dalam dirinya supaya wajib berlaku adil dan haram berlaku zalim dalam kegiatan ekonominya.²⁹

PAS mengkritik dasar ekonomi negara yang diterajui oleh UMNO. Beberapa contoh institusi ekonomi Islam yang cuba diperkenalkan oleh kerajaan pimpinan UMNO seperti perbankan Islam, hab halal negara hanyalah bersifat tempelan dan tidak mampu untuk menongkahkan arus perdana ekonomi yang dikuasai kuasa monopoli Barat. PAS melihat projek-projek mega yang direncanakan oleh kerajaan sebagai satu bentuk pembaziran yang mengakibatkan kemelesetan ekonomi negara. Dan sekaligus menggambarkan kegagalan pihak berkuasa untuk mengambil sikap “berjimat-jimat di masa mewah dan senang demi meringankan beban di masa sukar”.

Untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang mampan, UMNO berpandangan bahawa pelaburan asing langsung harus dibenarkan membuat pelaburan dan perniagaan dalam negara demi kesejahteraan rakyat. Namun usaha dan pandangan itu dilihat oleh PAS sebagai aktiviti ekonomi yang terlalu terbuka dan hanya berteraskan penilaian kebendaan semata-mata. Akhirnya membentuk kegiatan ekonomi yang bebas dari nilai akhlak dan agama yang menjuruskan pembangunan terlalu kebendaan serta tidak mengekalkan prinsip-prinsip keseimbangan, keadilan, berhemat, lestari, mesra alam dan manusia. Ia juga meletakkan pergantungan kepada pelaburan asing dengan mengintegrasikan secara total kepada persaingan ekonomi global yang belum cukup difahami dari sudut kesan, implikasi dan dinamika, kuasa pasaran global kepada ekonomi negara.

Dato' Fadhil Mohd Nor menegaskan bahawa PAS tidak pernah menolak pembangunan dan kemajuan tetapi kita mempunyai falsafah dan dasar yang mungkin berbeza dengan falsafah dasar dan pembangunan Barisan Nasional. Ini kerana kita tidak boleh menerima program ekonomi yang bercanggah dengan prinsip ajaran Islam dan juga program yang memberikan keutamaan kepada golongan kapitalis membolot kekayaan negara dan menjadikan rakyat terbanyak sebagai alat kepentingan mereka.

²⁹ Dato Fadhil Noor (1999), “Bersama Menegakkan Keadilan”, Ucapan Dasar Mukhtar Tahunan Pas ke-45 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukhtar PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur, pada 12, 13 & 14 Safar 1420/ 28, 29 & 30 Mei 1999, h. 270.

Kita tidak menafikan pembangunan ekonomi yang sedang berjalan terutama dalam bidang industri tetapi itu bukanlah yang luar biasa kerana pembangunan ekonomi dalam berbagai-bagai sektor termasuk industri adalah program umum bagi semua negara di dunia hari ini sama ada negara maju ataupun membangun.³⁰

Kesimpulan

Sungguhpun terdapat pelbagai perbezaan yang kadangkala terlalu sukar untuk diserasikan antara dua parti politik orang Melayu dalam memberi tafsiran terhadap isu-isu agama atau yang berkaitan dengan kepentingan negara, namun kami melihat masih terdapat ruang-ruang yang belum diterokai bersama secara adil dan saksama untuk sama-sama duduk semeja demi mencari perdamaian sejati. Sesungguhnya UMNO dan PAS pada hakikatnya adalah parti serumpun bangsa dan seagama yang tidak wajar berada dalam persengketaan dan perpecahan yang berlarutan. Kerana perpecahan atas nama apa pun sangat dilarang oleh agama Islam yang mulia.³¹ Apa yang dilihat hanyalah perbezaan dari sudut ideologi politik yang begitu dominan mencorakkan segala bentuk pandangan yang diutarakan. Bak kata Pendeta Za'ba dalam *Za'ba Dan Melayu*,³² perselisihan itu terjadi kerana 'menjalankan fikiran' dan selama mana pun selagi manusia itu berfikir pasti akan ada perselisihan sesama mereka.

Secara fizikalnya, manusia ini telah dicipta oleh tuhan yang maha berkuasa dalam rupa ragam yang berbeza-beza pada jantina, ras, etnik, bahasa, citarasa dan segalanya. Oleh itu kepelbagaian itu haruslah diterima secara tabie dan tanpa rasa curiga yang melampau. Firman Allah :

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاۤىِٕلَ
لِّتَعَارَفُوْۤا اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰنَكُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ حَبِيْرٌ ﴿١٣٠﴾

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya”.

³⁰ Dato Fadhil Noor (1999), “Ulama Teras Kepimpinan Ummah”, Ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan Pas ke-40 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Masjid Rusila, Marang, Terengganu, pada 30 Zulhijjah 1414H, 1 & 2 Muharram 1415/ 10, 11 & 12 Jun 1994, h. 132.

³¹ Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004), *op.cit.*, h. 31.

³² Adnan Haji Nawang (2009), *Za'ba Dan Melayu*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 63.

(Surah al-Hujarat, ayat 13)

Namun itu tidak seharusnya perbezaan yang wujud itu dijadikan alasan untuk kedua parti politik Melayu untuk bersatu dalam perkara yang boleh diusahakan bersama. Seruan ke arah kesatuan sering juga didengari dari keluahan beberapa tokoh di kedua-dua pihak namun suara itu sering disalah tanggap oleh mereka yang berkepentingan dan akhirnya suara itu hilang di tengah hiruk pikuk gendang percakaran.

Rujukan

Abd. Rahman Hj. Abdullah (1981), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.

Ahmad Kamar (1980), *Islam Tercabar: Satu Pandangan Terhadap PAS*, Petaling: Pustaka Ilmu.

Azmi Ariffin (2010), “Islam, Bangsa Dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran Dan Gerakan Politik Melayu-Islam Dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu, 1900-1957”, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Maysrakat Malaysia (PAIMM), jil. 2, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 5 & 6 Oktober 2010).

Adnan Haji Nawang (2009), *Za’ba Dan Melayu*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dato’ Fadhil Mohd Noor (1999), “Bersama Menegakkan Keadilan”, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan Pas ke-45 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 12, 13 & 14 Safar 1420/ 28, 29 & 30 Mei 1999.

Dato’ Fadhil Mohd Noor (1999), “Menyanggah Fikrah Maddiyyah”, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan Pas ke-41 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 28, 29 & 30 Rabiul Awal 1416H/ 25, 26 & 27 Ogos 1995

Dato’ Fadhil Noor (1999), “Bersama Menegakkan Keadilan”, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan Pas ke-45 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48*, dibentangkan di Markaz Tarbiyyah Pas Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur, pada 12, 13 & 14 Safar 1420/ 28, 29 & 30 Mei 1999.

Dato’ Fadhil Noor (1999), “Ulama Teras Kepimpinan Ummah”, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan Pas ke-40 dalam Nasir Ahmad (peny), *Koleksi Ucapan*

Dasar Mukatamr PAS Kali Ke-36 Hingga 48, dibentangkan di Masjid Rusila, Marang, Terengganu, pada 30 Zulhijjah 1414H, 1 & 2 Muharram 1415/ 10, 11 & 12 Jun 1994

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (2007), “Memperkukuh Keyakinan – Meneroka Era Baru”, *Ucapan Dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-58* dibentangkan di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC), pada 7 November 2007.

Dr. Muhammad Kamal Hassan (1981), “Krisis Identiti Umat Islam”, *Dewan Budaya*, Jil. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Wan Adli Wan Ramli (2006), “Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim”, dalam Prof. Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (peny.), *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Jamie Hj. Hamil, Mohd Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman *et.al.*, (2005), “Budaya Politik Melayu: Kesenambungan Dan Perubahan”, dalam Sity Daud & Zarina Othman (ed.), *Politik Dan Keselamatan*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004), *Perjuangan UMNO Ke Arah Memartabatkan Bangsa Bangsa Dan Agama*, Kuala Lumpur: Darulfikir

Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (2006), “Memahami Pendekatan Islam (Din) Hadhari Dari Perspektif Pemikir Islam”, dalam Prof. Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (peny.), *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siddiq Fadil (1977), *Kebangkitan Umat, Kenyataan Dan Harapan*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Ibrahim Ahmad (1989), *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, Kuala Lumpur: IBS Sdn. Bhd.

Zulkanain Abdul Rahman, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali *et.al.*, (2010), “Survival Melayu-Islam Dalam Politik Malaysia : Penelitian Melalui Pilihan Raya Umum Ke-12 (2008)”, (Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Maysrakat Malaysia (PAIMM), jil. 2, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 5 & 6 Oktober 2010).